

10/02/2002

Konsep Pasarakyat berfaedah: Menteri

Azran Jaffar

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berharap lebih ramai pengusaha dan peniaga melaksanakan konsep perniagaan yang menjual barangan terus daripada pengeluar kepada pengguna.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata adalah menjadi harapan kementerian supaya konsep sebegini diperluaskan kerana ia memberi kemudahan kepada pengeluar dan petani secara langsung.

Apa yang lebih baik katanya, peniaga sebegini dapat bekerjasama dengan agensi kerajaan yang terbabit supaya konsep ini menjadi lebih berjaya.

Beliau yang ditemui selepas mengadakan lawatan ke Pasarakyat, sebuah ruang perniagaan yang menjual pelbagai barangan keperluan pengguna dengan harga berpatutan di sini, semalam berkata, ini juga selaras dengan apa yang diinginkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun mereka (pengeluar dan petani) boleh jual kepada orang lain. Pasarakyat adalah satu pilihan baru. Jadi mengapa mereka tidak mengambil kesempatan daripada peluang sebegini," katanya.

Katanya, sebelum ini kerajaan sudah memperkenalkan Pasar Tani yang mengamalkan konsep yang sama cuma sekarang ini ada perubahan sedikit yang pembekal tidak semesti menjual dan ada juga pemborong yang menjual dan usaha ini berjaya.

Bagi perniagaan sebegini kejayaannya bergantung kepada pengusaha berkenaan dalam mempromosikan ruang perniagaan mereka dan konsep perniagaan ini juga menunjukkan usaha untuk mengurangkan faktor orang tengah dapat dilaksanakan dan tidak seharusnya ditanggung oleh pengguna, katanya.

Ditanya adakah kerajaan akan turut terbabit dalam membuka ruang perniagaan seperti ini, beliau berkata, kerajaan tidak perlu untuk sama melakukan apa yang dilaksanakan oleh pihak swasta dan apa yang penting ialah mereka bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan.

Mengenai lawatannya itu, Muhyiddin berkata daripada tinjauan yang dilakukan beliau mendapati secara perbandingan barangan yang dijual lebih murah daripada tempat lain.

Sebagai contoh katanya, kubis Cameron Highlands yang dijual adalah 80 sen sekilogram berbanding harga RM1.80 yang ditetapkan dan ini bermakna ia 100 peratus lebih murah.

Banyak barangan lain yang juga bukan barang kawalan dijual lebih murah di sini dan ini dapat dilakukan kerana bekalan diperoleh terus daripada pengeluar juga berharap perkara ini dapat dilakukan sepanjang masa kerana ia satu pilihan yang terbaik kepada pengguna, katanya.

Muhyiddin berkata, setakat ini kira-kira 300 pembekal menghantar barangan mereka kepada Pasarakyat dan turut memberi peluang kepada pengusaha hasil keluaran kampung seperti makanan.

Namun begitu, beliau berharap pengusaha ini memberikan tumpuan kepada pembungkusan dan jenama untuk menarik pelanggan.

Beliau juga berkata, Pasarakyat bukan setakat membeli produk pengeluar dengan harga yang baik tetapi turut memberi ruang bagi iklan dan promosi dengan tidak dikenakan bayaran.

Ini adalah langkah permulaan untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai pengeluar, katanya.

(END)